

**Amal Sikap Bertoleransi Dan Hormat Menghormati - Pemangku TYT Sarawak
Bernama
22 Januari, 2012**

KUCHING, 22 Jan (Bernama) -- Rakyat berbilang kaum di negeri ini perlu terus mengekalkan amalan bertoleransi dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain, kata Pemangku Yang di-Pertua Negeri Datuk Amar Mohd Asfia Awang Nasar.

Beliau berkata amalan tersebut merupakan intipati dalam kehidupan sesebuah masyarakat majmuk yang berbilang etnik, budaya dan kepercayaan.

"Dalam masyarakat yang mempunyai kepelbagaian latar belakang seperti di Malaysia, setiap individu harus ada sikap berlapang dada untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum yang telah lama subur," katanya pada perutusan sempena sambutan Tahun Baru Cina esok.

Beliau berkata ibu bapa juga perlu menggalakkan anak-anak muda untuk mengeratkan hubungan antara kaum dengan mengunjungi rumah kawan-kawan mereka yang meraikan perayaan Tahun Baru Cina.

Menurutnya konsep rumah terbuka merupakan amalan zaman berzaman yang masih relevan dan berkesan untuk mengeratkan hubungan persahabatan serta jalinan silaturrahim di antara kaum.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dalam perutusannya pula berkata tahun 2012 merupakan tahun yang penting dalam memastikan program transformasi kerajaan dapat diteruskan untuk memajukan lagi negeri ini sejajar dengan kekayaan sumber tenaga yang sedia ada.

Beliau berkata berdasarkan pada Belanjawan 2012 sebanyak 70 peratus daripada peruntukan yang disediakan adalah untuk pembangunan manakala 30 peratus lagi bagi pengurusan.

"Kita juga berharap pihak swasta turut memainkan peranan dalam meluaskan lagi pelaburan mereka di negeri ini," katanya.

Taib berkata beliau yakin kehadiran tahun naga dalam kalender kaum Tiong Hua pastinya akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi kaum Cina di negeri ini selain memastikan ia turut sama memberi nikmat dan faedah kepada kaum-kaum lain.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641719>